

'Ubaidullah berkata: "Saya memberitahu kepada 'Abdullah bin 'Abbaas (apa yang diceritakan oleh 'Aaisyah itu), lalu beliau bertanya aku: "Tahukah kamu siapa lelaki yang seorang lagi itu? Saya menjawab: "Tidak". Ujar beliau : "Dia adalah 'Ali bin Abi Talib."

'Aaisyah r.a meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w bersabda setelah masuk ke rumahnya dan teruk pula sakitnya: "Tuangkan ke atasku air daripada tujuh gereba yang belum lagi dibuka ikatannya. Moga-moga aku dapat memberi peringatan kepada orang ramai, lalu baginda didudukkan dalam sebuah besen Hafshah. Kami pun menuangkan air ke atas baginda sebanyak yang tersebut itu sehingga baginda mengisyaratkan kepada kami bahawa kamu telah melakukan (apa yang disuruh). Kemudian Nabi s.a.w keluar kepada orang ramai."⁸¹

٤٦ - باب الوُضوءِ مِنَ التَّوَرِ

46 – Bab: Berwudhu' Menggunakan Baldi Kecil

١٩٢٨ - حَدَّثَنَا خَالِدُ بْنُ مَخْلَدٍ قَالَ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ بِلَالٍ قَالَ حَدَّثَنِي عَمْرُو بْنُ يَحْيَى عَنْ أَبِيهِ قَالَ كَانَ عَمِّي يُكْثِرُ مِنَ الْوُضُوءِ قَالَ لِعَبْدِ اللَّهِ بْنِ زَيْدٍ أَخِيرْنَا كَيْفَ رَأَيْتَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوَضُّأُ فَدَعَا بِتَوْرٍ مِنْ مَاءٍ فَكَفَّاهُ عَلَى يَدَيْهِ فَعَسَلَهُمَا ثَلَاثَ مِرَارٍ ثُمَّ أَدْخَلَ يَدَهُ فِي التَّوْرِ فَمَضَمَضَ وَاسْتَنْزَلَ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ مِنْ غَرْفَةٍ وَاحِدَةٍ ثُمَّ أَدْخَلَ يَدَهُ

Kadang-kadang 'Ali, kadang-kadang Usamah, kadang-kadang Fadhal bin 'Abbaas dan kadang-kadang pula orang-orang lain selain mereka yang tersebut itu. Ibnu 'Abbaas di dalam riwayat ini hanya menceritakan kepada 'Ubaidullah apa yang diketahuinya. Tentu sekali 'Aaisyah lebih mengetahui daripada orang-orang lain kerana beliau adalah tuan rumah.

⁸¹ Terdapat banyak sekali pengajaran di dalam hadits ini. Antara lainnya ialah (1) Nabi s.a.w juga seperti orang-orang lain berkewajipan membuat giliran bermalam di antara isteri-isterinya (2) Seseorang isteri boleh memberikan gilirannya untuk madunya (3) Apabila sakit teruk seseorang itu digalakkan berpesan tentang apa-apa yang perlu (4) Keharusan duduk di dalam besen daripada kayu atau lain-lain bahan untuk mandi atau mendapatkan rawatan (5) Penggunaan air dalam proses rawatan dengan cara-cara tertentu ada asalnya di dalam Sunnah Nabi s.a.w (6) Kelebihan 'Aaisyah kerana Rasulullah s.a.w setelah tenat telah meminta izin daripada isteri-isterinya yang lain untuk berada di rumah beliau dan seterusnya dirawat di situ (7) Ia menunjukkan keharusan berubat kepada orang sakit (8) Nabi s.a.w juga sakit seperti orang-orang lain, malah ada kalanya lebih teruk daripada orang-orang lain. Keadaan ini berlaku untuk membuktikan kemanusiaan seseorang nabi itu di samping memperbanyakkan lagi pahala untuknya (9) Keharusan memahami dan memahamkan sesuatu dengan isyarat (10) Orang sakit ada kalanya lebih senang dengan seseorang, kerana itu eloklah dipertimbangkan apa yang disenanginya itu.

فَاَعْتَرَفَ بِهَا فَغَسَلَ وَجْهَهُ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ ثُمَّ غَسَلَ يَدَيْهِ إِلَى الْمِرْفَقَيْنِ مَرَّتَيْنِ مَرَّتَيْنِ ثُمَّ أَخَذَ بِيَدِهِ مَاءً فَمَسَحَ رَأْسَهُ فَأَذْبَرَ بِهِ
وَأَقْبَلَ ثُمَّ غَسَلَ رِجْلَيْهِ فَقَالَ هَكَذَا رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَوَضَّأُ

192 - Khalid bin Makhlad meriwayatkan kepada kami, katanya: Sulaiman bin Bilal meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Amar bin Yahya meriwayatkan kepadaku daripada bapanya (Yahya bin 'Umarah), katanya: "Bapa saudaraku ('Amar bin Abi Hasan) sering kali mengambil wudhu'.⁸² Dia berkata kepada 'Abdullah bin Zaid: "Beritahulah kepada kami bagaimana engkau melihat Rasulullah s.a.w berwudhu'. 'Abdullah meminta bekas air dan menuangkan air di atas kedua belah tangannya, lalu dibasuh tangannya tiga kali, kemudian beliau masukkan tangannya ke dalam bekas itu lalu berkumur dan menghembuskan air dari hidung tiga kali dengan menggunakan satu cedokan. Setelah itu beliau memasukkan tangan dan mencedok dengan tangannya lalu membasuh muka tiga kali. Kemudian membasuh kedua tangannya hingga ke siku dua dua kali. Selepas itu beliau mengambil dengan tangannya air, lalu disapu kepalanya dengan membawa ke belakang tangannya lantas ke depan pula. Akhir sekali beliau membasuh kedua kakinya lalu berkata: "Beginilah aku melihat Rasulullah s.a.w berwudhu'."

١٩٣ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا حَمَّادٌ عَنْ ثَابِتٍ عَنْ أَنَسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَعَا بِإِبَاءٍ مِنْ مَاءٍ فَأَنِي
بِقَدَحٍ رَخْرَاحٍ فِيهِ شَيْءٌ مِنْ مَاءٍ فَوَضَعَ أَصَابِعَهُ فِيهِ قَالَ أَنَسٌ فَجَعَلْتُ أَنْظُرُ إِلَى الْمَاءِ يَنْبُعُ مِنْ بَيْنِ أَصَابِعِهِ قَالَ أَنَسٌ
فَحَزَرْتُ مَنْ تَوَضَّأَ مَا بَيْنَ السَّبْعِينَ إِلَى الثَّمَانِينَ

193 - Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: Hammaad meriwayatkan kepada kami daripada Tsabit daripada Anas bahawa Nabi s.a.w meminta satu bekas berisi air, lalu dibawakan satu mangkuk yang cetek dan luas mulutnya.⁸³ Di dalamnya ada sedikit air. Rasulullah s.a.w pun

⁸² Ya'ni bila saja terbatal wudhu'nya dia akan terus berwudhu' kembali supaya dirinya sentiasa berada dalam keadaan suci atau dia banyak menggunakan air ketika berwudhu'.

⁸³ Di dalam Sahih Ibnu Khuzaimah hadits ini melalui riwayat Ahmad bin 'Abdah daripada Hammad bin Zaid dan dua saluran riwayat yang lain juga daripada Hammad bin Zaid, bukan perkataan رَخْرَاحٍ tersebut selepas perkataan بَقْدَحٍ tetapi perkataan زُحَاجٍ (kaca). Kerananya Imam Ibnu Khuzaimah mengemukakan bab dengan tajuk "Bab Keharusan Berwudhu' Menggunakan Bekas-bekas Daripada Kaca". Ibnu Khuzaimah menjelaskan رَخْرَاحٍ hanya digunakan untuk mangkuk kaca yang cetek dan luas mulutnya saja. Imam Bukhari seolah-olahnya mengisyratkan kepada hadits

meletakkan jari-jemarinya di dalam bekas itu. Ujar Anas: "Terus aku nampak air keluar dari jari-jemarinya".

Anas bercerita lagi katanya: "Aku anggarkan orang yang berwudhu' (menggunakan air itu) antara tujuh puluh hingga lapan puluh orang."⁸⁴

٤٧- باب الوضوء بالمُدِّ

47 – Bab: Berwudhu' Menggunakan Air Satu Cupak.

١٩٤- حَدَّثَنَا أَبُو نَعِيمٍ قَالَ حَدَّثَنَا مِسْعَرٌ قَالَ حَدَّثَنِي ابْنُ جَبْرِ قَالَ سَمِعْتُ أَسَا يَقُولُ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَغْسِلُ أَوْ كَانَ يَغْسِلُ بِالصَّاعِ إِلَى خَمْسَةِ أَمْدَادٍ وَيَوْضَأُ بِالْمُدِّ

194 - Abu Nu'aim meriwayatkan kepada kami, katanya: Mis'ar meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu Jabr meriwayatkan kepada kami, katanya: saya mendengar Anas berkata: "Nabi s.a.w mandi menggunakan satu gantang air (empat cupak) hingga kepada lima cupak dan baginda berwudhu' menggunakan satu cupak (air)."⁸⁵

٤٨- باب المسح على الخفين

yang dikemukakan oleh Ibnu Khuzaimah ini, tetapi oleh kerana ia tidak menepati syarat beliau maka tidak diambilnya untuk dimasukkan di dalam Sahihnya. Jika diambil kira riwayat Ibnu Khuzaimah ini, niscaya dapatlah diketahui melaluinya bahawa Rasulullah s.a.w juga ada menggunakan bekas daripada kaca dan inilah maksud Imam Bukhari.

⁸⁴ Perbezaan bilangan orang yang tersebut di dalam riwayat Anas ini dengan riwayat Anas yang tersebut sebelum ini (lihat hadits 164 dan nota 42 yang lalu), begitu juga perbezaan bilangan orang yang tersebut di dalam riwayat Jabir iaitu seramai seratus lima belas orang dengan riwayat ini adalah berdasarkan peristiwa yang berlainan. Ini menunjukkan bahawa mu'jizat keluar air dari celah jari-jemari Nabi s.a.w itu telah berlaku beberapa kali di sepanjang hayat Baginda.

⁸⁵ Bab ini dengan haditsnya menyatakan qadar air yang minimum dan mencukupi bagi wudhu yang sempurna ialah satu cupak dan qadar minima untuk mandi junub pula ialah satu gantang air. Hadits-hadits seperti ini sekali-kali tidak bererti tidak boleh seseorang itu menggunakan air melebihi had yang tersebut. Bagaimanapun pembaziran dan pemborosan adalah dilarang di dalam Islam.

48 – Bab: Menyapu Di Atas Kedua Khuf (Dalam Berwudhu').⁸⁶

١٩٥ - حَدَّثَنَا أَصْبَغُ بْنُ الْفَرَجِ الْمِصْرِيُّ عَنْ ابْنِ وَهْبٍ قَالَ حَدَّثَنِي عَمْرُو بْنُ الْحَارِثِ حَدَّثَنِي أَبُو النَّضْرِ عَنْ أَبِي سَلَمَةَ
ابْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ مَسَحَ عَلَى الْخَفَيْنِ
وَأَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ سَأَلَ عُمَرَ عَنْ ذَلِكَ فَقَالَ نَعَمْ إِذَا حَدَّثَكَ شَيْئًا سَعْدٌ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَا تَسْأَلْ
عَنْهُ غَيْرَهُ وَقَالَ مُوسَى بْنُ عُقْبَةَ أَخْبَرَنِي أَبُو النَّضْرِ أَنَّ أَبَا سَلَمَةَ أَخْبَرَهُ أَنَّ سَعْدًا حَدَّثَهُ فَقَالَ عُمَرُ لِعَبْدِ اللَّهِ دَحْوَهُ

195 - Asbagh bin Al-Faraj Al-Misri meriwayatkan kepada kami daripada Ibnu Wahb, katanya: 'Amar bin Al-Harits meriwayatkan kepada saya, katanya: Abu Al-Nadhar meriwayatkan kepada saya daripada Abi Salamah bin 'Abdir Rahman daripada 'Abdullah bin 'Umar daripada Sa'ad bin Abi Waqqash daripada Nabi s.a.w bahawa baginda menyapu di atas kedua Khuf (dalam berwudhu'). 'Abdullah bin 'Umar bertanya kepada 'Umar tentang perkara itu. 'Umar menjawab: "Ya, kalau Sa'ad meriwayatkan apa-apa kepadamu daripada Nabi s.a.w tentang sesuatu perkara, maka janganlah engkau tanya lagi orang lain tentangnya."⁸⁷

Musa bin Uqbah berkata: Abu An-Nadhar meriwayatkan kepada saya bahawa Abu Salamah memberitahunya: "Sesungguhnya Sa'ad menceritakan kepadanya. Maka kata 'Umar kepada 'Abdillah". Hadits seterusnya adalah sama ma'nanya dengan hadits yang tersebut di atas.

⁸⁶ Dengan bab ini Imam Bukhari bermaksud menyatakan kesepakatan Para 'ulama' Ahli As-Sunnah Wa Al-Jama'ah tentang keharusan menyapu di atas kedua khuf dalam berwudhu'. Nabi s.a.w sendiri telah menyapu khufnya dalam berwudhu', demikian juga dengan para sahabatnya. Hasan Bashri berkata: "Tujuh puluh orang sahabat telah meriwayatkan kepadaku bahawa Rasulullah s.a.w telah menyapu khufnya dalam berwudhu'." Hadits tentang menyapu khuf ini adalah salah satu hadits yang sampai ke peringkat "Tawatur Ma'nawi" dan ia tidak dimansuhkan oleh ayat wudhu' di dalam Surah Al-Ma'idah. Kerana sahabat-sahabat yang memeluk Islam selepas kesemua sekali ayat-ayat di dalam Surah Al-Ma'idah diturunkan juga menyaksikan mereka melihat Nabi s.a.w menyapu khufnya dalam berwudhu'. Imam Abu Hanifah berkata: "Berpegang bahawa menyapu di atas kedua khuf dalam berwudhu' itu harus adalah salah satu ciri Ahli As-Sunnah Wa Al-Jama'ah dan menolaknya pula adalah salah satu ciri Ahli Bid'ah seperti golongan Syi'ah dan Khawarij."

⁸⁷ Daripada hadits ini dapat diketahui betapa tingginya kedudukan Sa'ad bin Abi Waqqash pada pandangan 'Umar. Hadits ini juga menunjukkan seseorang sahabat agung Nabi s.a.w ada kalanya tidak mengetahui beberapa sunnah beliau kecuali setelah diberitahu oleh sahabat yang lain. Ibnu 'Umar umpamanya di peringkat permulaannya tidak mengetahui tentang keharusan menyapu khuf dalam berwudhu'. Kerana itu apabila beliau melihat Sa'ad menyapu khuf ketika berwudhu', beliau terus menegurnya kerana tidak mengetahui tentang keharusannya.

١٩٦- حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ خَالِدٍ الْحَرَّانِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ يَحْيَى بْنِ سَعِيدٍ عَنْ سَعْدِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ عَنْ نَافِعِ بْنِ جُبَيْرٍ عَنْ عُرْوَةَ بْنِ الْمُغِيرَةِ عَنْ أَبِيهِ الْمُغِيرَةِ بْنِ شُعْبَةَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ خَرَجَ لِحَاجَتِهِ فَاتَّبَعَهُ الْمُغِيرَةُ بِإِدَاوَةٍ فِيهَا مَاءٌ فَصَبَّ عَلَيْهِ حِينَ فَرَغَ مِنْ حَاجَتِهِ فَوَضَّأَ وَمَسَحَ عَلَى الْخُفَّيْنِ

196 - `Amar bin Khalid Al-Harrani meriwayatkan kepada kami, katanya: Al-Laits meriwayatkan kepada kami daripada Yahya bin Sa'id daripada Sa'ad bin Ibrahim daripada Naafi' bin Jubair daripada `Urwah bin Al-Mughirah daripada bapanya Al-Mughirah bin Syu'bah daripada Rasulullah s.a.w bahawa baginda keluar untuk qadha' hajat, Al-Mughirah pun mengekorinya dengan membawa satu bekas berisi air. Setelah baginda selesai menunaikan hajatnya, Al-Mughirah menuangkan air (untuk Nabi s.a.w berwudhu'), maka baginda berwudhu' dan menyapu kedua khufnya."

١٩٧- حَدَّثَنَا أَبُو نَعِيمٍ قَالَ حَدَّثَنَا شَيْبَانُ عَنْ يَحْيَى عَنْ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ جَعْفَرِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ أُمِّةِ الصَّغَرِيِّ أَنَّ أَبَاهُ أَخْبَرَهُ أَنَّهُ رَأَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَمْسَحُ عَلَى الْخُفَّيْنِ وَتَابَعَهُ حَرْبُ بْنُ شَدَّادٍ وَأَبَانُ عَنْ يَحْيَى

197 - Abu Nu'aim meriwayatkan kepada kami, katanya: Syaiban meriwayatkan kepada kami daripada Yahya daripada Abi Salamah daripada Ja'far bin `Amar bin Umayyah Al-Dhamri bahawa bapanya memberitahunya: "Sesungguhnya dia telah melihat Nabi s.a.w menyapu di atas kedua khufnya."

١٩٨- حَدَّثَنَا عَبْدَانُ قَالَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ قَالَ أَخْبَرَنَا الْأَوْزَاعِيُّ عَنْ يَحْيَى عَنْ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ جَعْفَرِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ أُمِّةِ عَنْ أَبِيهِ قَالَ رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَمْسَحُ عَلَى عِمَامَتِهِ وَخُفَّيْهِ وَتَابَعَهُ مَعْمَرٌ عَنْ يَحْيَى عَنْ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ عَمْرٍو قَالَ رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

198 - 'Abdaan meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdullah meriwayatkan kepada kami, katanya: Al-Auzaa'i meriwayatkan kepada kami daripada Yahya daripada Abi Salamah daripada Ja'far bin 'Amar bin Umayyah daripada bapanya, dia berkata: "Saya telah melihat Nabi s.a.w menyapu di atas serban dan kedua khufnya."⁸⁸

٤٩- بَابُ إِذَا أُدْخِلَ رِجْلَيْهِ وَمَا طَاهِرَانِ

49 - Bab: Apabila Seseorang Memasukkan Kedua Kakinya (Ke Dalam Khuf) Dalam Keadaan Kedua-Duanya Bersih.⁸⁹

١٩٩- حَدَّثَنَا أَبُو نَعِيمٍ قَالَ حَدَّثَنَا زَكَرِيَّا عَنْ عَامِرٍ عَنْ عُرْوَةَ بْنِ الْمَغِيرَةِ عَنْ أَبِيهِ قَالَ كُنْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفَرٍ فَأَهْوَيْتُ لِأَنْزِعَ خُفَّيْهِ فَقَالَ دَعُهُمَا فَإِنِّي أُدْخِلُهُمَا طَاهِرَيْنِ فَمَسَحَ عَلَيْهِمَا

199 - Abu Nu'aim meriwayatkan kepada kami, katanya: Zakaria meriwayatkan kepada kami daripada 'Aamir daripada 'Urwah bin Al-Mughirah daripada bapanya, dia berkata: "Saya pernah bersama Nabi s.a.w dalam satu perjalanan. Saya telah membongkokkan diri untuk menanggalkan khuf beliau. Tetapi beliau s.a.w berkata: "Biarkan, aku telah memakainya dalam keadaan bersih". Nabi s.a.w hanya menyapu kedua-dua khufnya."

⁸⁸ 'Ulama' berbeza pendapat tentang menyapu di atas serban dalam berwudhu' tanpa menyapu sedikit pun di atas kepala. Golongan pertama berpendapat boleh, sama ada serban itu telah dipakai dalam keadaan seseorang itu suci dan berwudhu' atau pun tidak. Antara tokoh yang termasuk dalam senarai golongan pertama ini ialah Sufyan Ats-Tsauri, Al-Auza'i, Ahmad, Ishaq dan Abu Tsaur dan Daud Zhahiri. Golongan kedua pula berpendapat tidak boleh kecuali sebagai menyempurnakan apa yang telah disapu daripada mana-mana bahagian kepala. Antara tokoh yang termasuk dalam senarai golongan kedua ini ialah Malik, Abu Hanifah dan As-Syafi'e dan jumhur 'ulama'. Imam Bukhari tidak mengadakan bab tersendiri tentang menyapu di atas serban dalam berwudhu', maka ia menunjukkan bahawa beliau sependapat dengan golongan kedua bukan dengan golongan pertama.

⁸⁹ Maksud Imam Bukhari mengemukakan bab ini dalam keadaan tergantung ialah untuk menarik perhatian para pembaca kepada khilaf yang berlaku di kalangan para 'ulama' dalam memahami maksud hadits ini. Adakah bersih yang disebutkan di dalam hadits Mughirah itu bererti bersih daripada najis atau bersih daripada hadats? Daud Zhahiri umpamanya berpendapat bersih daripada najis semata-mata, sementara jumhur 'ulama' pula berpendapat bersih daripada najis dan hadats.